

# IOJ rai anak yatim, gelandangan

BH  
7/11/18

**Kuala Lumpur:** Seramai 250 gelandangan dan anak yatim daripada pelbagai kaum, diraikan sempena sambutan Deepavali di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, semalam.

Program 'Jom Diwali' itu dianjurkan pertubuhan bukan kerajaan, Institut Onn Ja'afar (IOJ), dan turut disertai 20 sukarelawan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ketua Pegawai Eksekutif IOJ, Charles Mohan, berkata program terbabit bertujuan membolehkan golongan kurang bernasib baik itu turut merasai kemeriahan perayaan berkenaan.

"Ada beberapa penghuni di sini yang beragama Hindu, justeru mereka dapat berkongsi pe-

rayaan dengan bangsa lain.

"Pelbagai makanan dihidangkan, selain persembahan bagi memeriahkan lagi suasana," katanya ketika ditemui NSTP, di sini.

## **Raikan bersama rakan**

Sementara itu, S Mahendran, 39, berkata ini adalah kali pertama beliau meraikan Deepavali di pusat gelandangan, namun tiada langsung terasa kekurangan kerana mempunyai ramai kenalan di situ.

"Walaupun tahun ini saya tidak beraya dengan anak dan isteri di kampung halaman Seremban, sambutan Deepavali tetap bermakna.

"Menikmati manisn ladu seperti mendoakan kemanisan hidup sepanjang tahun," katanya.



**Mohan menyampaikan** sumbangan pada Program Jom Diwali 2018 di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, semalam.